In December, about 25 Trienekens staff attended the "Green 5S SIRIM 5: 2016" training conducted by SIRIM STS Sdn Bhd. Through the training, the group learned about the best practices that can help create an excellent workplace through improvements in quality, health, safety, environment, productivity and subsequently help lower the company's costs, increase its efficiency as well as competitiveness. These practices are based on the SIRIM Standard and Guidelines for Implementing the Green 5S System. The trainees also acquired the necessary knowledge for developing a Green 5S checklist and procedures for the company, which ultimately will create a more sustainable working environment.



Participants in the midst of training.

*Para peserta dalam sesi latihan.*

*Pada bulan Disember, lebih kurang 25 staf Trienekens telah menghadiri kursus latihan bertajuk "5 Hijau SIRIM 5S: 2016" yang dikendalikan oleh SIRIM STS Sdn Bhd. Melalui latihan tersebut, kumpulan tersebut telah mempelajari tentang amalan-amalan terbaik yang dapat membantu mewujudkan suasana tempat kerja yang cemerlang melalui pembaikan di dalam kualiti, keselamatan, alam sekitar, produktiviti dan seterusnya membantu mengurangkan kos syarikat, meningkatkan keberkesanan dan daya saingnya. Amalan-amalan ini ialah berdasarkan Standard SIRIM dan Panduan-panduan Melaksanakan Sistem 5S Hijau. Para pelatih juga memperolehi pengetahuan yang perlu di dalam mewujudkan senarai semak dan prosedur-prosedur 5S Hijau untuk syarikat di mana ia akan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih lestari.*

## Compulsory Training for Compactor Team / Latihan Wajib Untuk Pasukan Kompaktor



**Trienekens' Kuching Logistics and Services Supervisor, Para ak Kaya (wearing blue) training the compactor teams.**  
*Penyelia, Logistik dan Servis Trienekens Kuching, Para Kaya (berbaju biru) sedang melatih pasukan-pasukan kompaktor.*

In the second half of 2022, Trienekens carried out mandatory training for their compactor teams, including the sub-contractors at the Logistics Depot in Sg. Tapang. Conducted in groups over several sessions, the training was attended by more than 200 drivers and loaders. The training covered a variety of topics, such as safe operation of the vehicles, including the handling of bin lifters, defensive driving practices, accident prevention, and others. Such trainings are essential for the Logistics and Services team, as they help enhance their safety performance and reduce risks of unwanted incidents at work.

*Di separuh kedua 2022, Trienekens telah mengadakan satu latihan wajib untuk pasukan-pasukan kompaktor termasuk sub-kontraktor di Depot Logistik di Sg. Tapang. Dikendalikan secara berkumpulan melalui beberapa sesi, latihan tersebut telah dihadiri lebih daripada 200 pemandu dan pemunggah. Latihan meliputi pelbagai topik seperti cara-cara selamat mengendalikan kenderaan termasuk pengangkat tong, amalan pemanduan berhemah, cara-cara mengelak kemalangan dan sebagainya. Latihan-latihan ini amat penting untuk pasukan Logistik dan Servis kerana ia membantu meningkatkan prestasi keselamatan mereka dan mengurangkan risiko kejadian yang tidak diingini di tempat kerja.*

## Fire Extinguisher Training / Latihan Pemadam Api



**Trainer and participants taking a group photo to end the training session.**  
*Jurulatih dan peserta mengakhiri sesi latihan dengan gambar berkumpulan.*

Fire safety training at the workplace is crucial, as it provides employees with first-hand experience in managing the risk of fire and familiarising themselves with the relevant procedures to keep injuries or damages to the minimum in the event of such an emergency. A refresher training was recently carried out for Trienekens teams based at its Kuching head office and depot which included the proper use of a fire extinguisher by employing the "PASS" (Pull-Aim-Squeeze-Sweep) method. Aside from that, the team members were also briefed on the various locations of the fire extinguishers inside the building and how to activate the fire alarm in the event of a fire outbreak.

*Latihan keselamatan kebakaran di tempat kerja amat penting kerana ia memberi peluang kepada para pekerja untuk mempelajari cara-cara menangani risiko kebakaran dan membiasakan diri mereka dengan prosedur-prosedur berkaitan supaya risiko kecederaan atau kerosakan dapat dikurangkan sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Satu latihan penyegar telah diadakan baru-baru ini untuk pasukan Trienekens di ibu pejabat dan depot di mana ia meliputi cara-cara yang betul menggunakan alat pemadam api melalui kaedah "PASS" (Tarik-Hala-Tekan-Layang). Selain itu, anggota pasukan juga menerima penerangan tentang lokasi-lokasi alat pemadam api di dalam bangunan dan cara mengaktifkan penggera kebakaran sekiranya berlaku sebarang kebakaran.*



# E-Waste Recycling Campaign

## Kempen Kitar Semula E-Waste

Electrical and electronic waste, also known as “e-waste,” must be properly and safely disposed of in order to prevent hazardous materials from being absorbed into the soil and contaminating our eco-system.

In September and October, Trienekens joined forces with the Council of the City of Kuching South (MBKS), Kota Samarahan Municipal Council (MPKS), Serian District Council (MDS), the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and the Department of Environment (DOE) Sarawak to carry out a series of collection campaigns for electrical and electronic waste (BEE) from the public in and around Kuching, Serian and Kota Samarahan. The joint effort kicked off at Mayor Song Swee Guan Park, followed by the La Promenade, Kota Samarahan, Padawan Sports Complex, Siburan and SMK Pending.

The same campaign also took place in Bintulu, organised by Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) in collaboration with Trienekens Bintulu Branch and DOE Sarawak in conjunction with BPHB's Environmental Week in November at Taman Sri Pelabuhan, Spait, Bintulu.

*Sisa elektrik dan elektronik atau lebih dikenali sebagai e-waste mesti dilupuskan dengan betul dan selamat untuk mencegah bahan-bahan berbahaya yang sedia ada daripada menyerap ke dalam tanah dan mencemari ekosistem kita.*

*Pada bulan September dan Oktober, Trienekens berganding bahu dengan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS), Majlis Daerah Serian (MDS), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Jabatan Alam Sekitar (DOE) Sarawak untuk menjalankan siri koleksi Kempen pengutipan sisa elektrik dan elektronik (BEE) dari orang awam di dalam dan sekitar Kuching, Serian dan Kota Samarahan. Usaha bersepadu tersebut bermula di Taman Datuk Bandar Song Swee Guan, diikuti oleh LA Promenade, Kota Samarahan, Kompleks Sukan Padawan, Siburan dan SMK Pending.*

*Kempen yang sama juga dijalankan di Bintulu anjuran Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) dengan sokongan cawangan Trienekens Bintulu dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak bersempena dengan Minggu Alam Sekitar BPHB pada bulan November di Taman Sri Pelabuhan, Spait, Bintulu.*



MBKS Mayor Dato' Wee Hong Seng (front, 2nd from left) and Trienekens Group CEO Stephen Chin (front, 3rd from left) attending the BEE campaign at Mayor Song Swee Guan Park.

*Datuk Bandar MBKS Dato' Wee Hong Seng (depan, ke-2 dari kiri) dan CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin (depan, ke-3 dari kiri) menghadiri kempen BEE di Taman Datuk Bandar Song Swee Guan.*



Teams from NREB Sarawak, DOE Sarawak and Trienekens coming in full force collecting e-waste at the La Promenade, Kota Samarahan.

*Pasukan dari NREB Sarawak, JAS Sarawak dan Trienekens bergabung tenaga mengumpul e-waste di La Promenade, Kota Samarahan.*





Trienekens team inspecting the e-waste items sent by residents at the La Promenade, Kota Samarahan.

*Pasukan Trienekens memeriksa barangan e-waste yang dihantar oleh penduduk di La Promenade, Kota Samarahan.*



Staff assisting in carrying e-waste to the collection area at the Padawan Sports Complex, Siburan.

*Kakitangan membantu membawa e-waste ke kawasan pengumpulan di Kompleks Sukan Padawan, Siburan.*



Trienekens, DOE and NREB teams concluding the e-waste collection campaign at Padawan Sports Complex, Siburan

*Pasukan Trienekens, JAS dan NREB mengakhiri kempen kutipan e-waste di Kompleks Sukan Padawan, Siburan.*



Trienekens Bintulu Branch and DOE Sarawak Bintulu Branch at the BEE collection campaign at Taman Sri Pelabuhan, Spait Bintulu.

*Trienekens Cawangan Bintulu dan JAS Cawangan Bintulu Sarawak sewaktu kempen kutipan BEE di Taman Sri Pelabuhan, Spait Bintulu.*



## Engaging with the Community

### Keterlibatan Bersama Komuniti

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd's corporate social responsibility (CSR) initiatives and sustainability efforts are an integral part in achieving the company's objective of being a catalyst for positive change. With the aims of building a healthy, safe and environmentally sustainable community, the company's CSR plan includes a wide scope of programmes aligned to its corporate vision, mission and policies. Many activities under Trienekens' annual calendar of events are Health, Safety and Environment (HSE)-motivated, and focusing on community development, environmental protection, public awareness and education.

*Inisiatif dan usaha kelestarian tanggungjawab sosial korporat (CSR) Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd merupakan bahagian penting dalam mencapai objektif syarikat sebagai pemangkin perubahan positif. Dengan tujuan membina komuniti yang sihat, selamat dengan alam sekitar yang lestari, pelan CSR syarikat merangkumi skop program yang luas dan selari dengan visi, misi dan polisi korporat syarikat. Kebanyakan aktiviti di bawah kalendar acara tahunan Trienekens bermotivasikan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) dan memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti, perlindungan alam sekitar, pendidikan dan kesedaran awam.*

### World Cleanup Day 2022 / Hari Pembersihan Sedunia 2022

Trienekens took part in the World Cleanup Day 2022 beach cleaning programme organised by the Commission of the City of Kuching North (DBKU) on 17 September 2022. Launched by DBKU Director Haji Mohamed Khaidir Bin Abang at Pantai Pasir Panjang, the activity is in support of the World Cleanup Day, a global movement which aims to combat mismanaged waste and litter worldwide.

*Trienekens telah mengambil bahagian dalam Hari Pembersihan Sedunia 2022 anjuran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), pada 17 September 2022. Acara tersebut telah dilancarkan oleh Pengarah DBKU, Haji Mohamed Khaidir bin Abang di Pantai Pasir Panjang. Hari Pembersihan Dunia ialah satu pergerakan global yang bertujuan untuk memerangi masalah pengurusan sisa di seluruh dunia.*



A representative from Trienekens receiving the certificate of participation.  
*Seorang wakil Trienekens menerima sijil penyertaan.*

### Trombol Beach Beautification Programme / Program Pengindahan Pantai Trombol



Tree planting by YB Senator Dato' Cr Ahmad Bin Dato' Sri Ibrahim.

*Penanaman pokok oleh YB Senator Dato' Cr Ahmad Bin Dato' Sri Ibrahim.*

In October, Trienekens staff took part in the Padawan Municipal Council's (MPP) beach clean-up and beautification programme at Trombol Beach. Officiated by YB Senator Dato' Cr Ahmad Bin Dato' Sri Ibrahim, the event served to promote cleanliness and discourage littering at the beach. Other activities included a tree planting ceremony, a Kampung Trombol #3R (Reduce, Reuse and Recycle) Workshop and a learning session on making soap using used cooking oil.

*Pada bulan Oktober, warga Trienekens telah terlibat di dalam program pembersihan dan pengindahan pantai yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Padawan (MPP) di Trombol Beach. Dirasmikan oleh YB Senator Dato' Cr. Ahmad bin Dato' Seri Ibrahim, acara ini bertujuan mempromosi kebersihan dan mencegah pembuangan sampah merata-rata di pantai. Aktiviti-aktiviti lain termasuk acara penanaman pokok, Bengkel #3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula) Kampung Trombol dan sesi membuat sabun daripada minyak masak terpakai.*

## Running With The Community/ Larian Bersama Komuniti



Trienekens team at Run with Love on 16 October 2022.  
Pasukan Trienekens di "Run with Love" pada 16 October 2022.

Trienekens team recently took part in the "Run with Love" and "Run 4 Mankind" charity run organised by the Dyslexia Association of Sarawak and the Malaysian Red Crescent Society respectively. Such participations provide opportunities for staff to not only keep fit but also contribute toward noble causes.

Pasukan Trienekens baru-baru ini telah menyertai larian amal "Run with Love" dan "Run 4 Mankind" yang dianjurkan oleh Persatuan Dyslexia Sarawak dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Penyertaan sebegini memberi peluang kepada pasukan Trienekens bukan sahaja bersenam untuk kesihatan tetapi juga menyumbang kepada amalan yang mulia.

## Community Recycling Project at Kampung Tunku and Kampung Malaysia Jaya Projek Kitar Semula Komuniti di Kampung Tunku dan Kampung Malaysia Jaya



YB Datuk Hajah Sharifah (centre) posing with contest winners accompanied by DBKU Deputy Director for Community and Services (4th right) Rudzaimeir Malek, Trienekens' Group Senior Manager for Corporate Affairs, Katherine Kong (3rd right) and community leaders from both villages.

YB Datuk Hajah Sharifah (tengah) bersama para pemenang diiringi Timbalan Pengarah Khidmat Komuniti DBKU (ke-4 kanan) Rudzaimeir Malek, Pengurus Kanan Kumpulan, Hal Ehwal Korporat Trienekens, Katherine Kong (ke-3 kanan) dan para ketua komuniti daripada kedua-dua kampung.



One of the winners of the Most Active Recycling Participation contest receiving his prizes.

Salah seorang pemenang pertandingan Penyertaan Kitar Semula Paling Aktif menerima hadiah beliau.

The Community Solid Waste Segregation and Recycling Pilot Project for Kampung Tunku and Kampung Malaysia Jaya, introduced by the Commission of the City of Kuching North (DBKU) in 2021, is part of the council's long-term plan to introduce a dedicated single-stream recycling collection system in areas under its jurisdiction while promoting waste minimization and sustainable living among city folk, further boosting the recycling rate in Kuching City. The first phase of the project had yielded encouraging results, prompting DBKU's decision to extend the project for another year.

Apart from implementing twice-monthly collection services of recyclables, several awareness activities were also carried out for the communities, such as environmental awareness talks, colouring contests and inter-lane competition for the highest recycling participation. The first phase culminated in a joint prize-giving ceremony in December graced by the Deputy Minister in the Premier's Department (Law, MA63, State-Federal Relations) YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah Binti Sayeed Aman Ghazali. This community project was jointly organised by DBKU, Trienekens and the community groups from Kampung Tunku and Kampung Malaysia Jaya.

Projek Pengasingan Sisa Pepejal dan Kitar Semula Komuniti untuk Kampung Tunku dan Kampung Malaysia Jaya yang diperkenalkan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) pada 2021, merupakan rancangan jangka panjang pihak majlis berkenaan untuk memperkenalkan satu sistem kutipan bahan kitar semula satu aliran yang khusus di kawasan-kawasan di bawah bidang kuasanya dan pada masa sama, mempromosi amalan-amalan pengurangan sisa dan kehidupan lestari di kalangan penduduk bandaraya, lantaran meningkatkan kadar kitar semula di Bandaraya Kuching. Fasa pertama projek ini telah menunjukkan keputusan yang menggalakkan, dan DBKU telah memutuskan untuk menyambung projek ini untuk setahun lagi.

Selain daripada menjalankan kutipan dua kali sebulan, beberapa aktiviti kesedaran juga dijalankan untuk komuniti, contohnya, ceramah kesedaran alam sekitar, peraduan mewarna, dan pertandingan penyertaan mengitar semula tertinggi antara lorong. Fasa pertama projek diakhiri dengan satu majlis penyampaian yang telah dihadiri oleh Timbalan Menteri di Pejabat Premier (Undang-undang, MA63, Hubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Hajah Sharifah Hasidah Binti Sayeed Aman Ghazali. Projek komuniti ini telah dilaksanakan bersama oleh DBKU, Trienekens, dan anggota-anggota komuniti dari Kampung Tunku dan Kampung Malaysia Jaya.



## Charitable Contributions / Sumbangan Dermawan

Trienekens' charitable contributions are driven by the desire to support the surrounding communities through donation of items, gifts or prizes.

*Sumbangan amal Trienekens didorong oleh keinginan untuk menyokong komuniti di sekeliling melalui sumbangan barang, cenderahati atau hadiah.*



Trienekens was one of the sponsors in the charity screening of "Bullet Train" organized by the Malaysian Fire and Rescue Department's Sports, Welfare & Culture Association. Trienekens' Senior Manager for HSE, Harris ak Michael Deho handing over the contribution to BOMBA Officer, Tuan Nazry Mohamat.

*Trienekens merupakan salah satu penaja dalam satu tayangan amal "Bullet Train" anjuran Persatuan Sukan, Kebajikan dan Budaya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sumbangan diserahkan oleh Pengurus Kanan, HSE Trienekens, Harris ak Michael Deho kepada Pegawai BOMBA, Tuan Nazry Mohamat.*



Trienekens' Department Manager for Quality and Licensing, Valerie Tai presenting hampers to Tadika Terang's teacher in support of the school's annual sports event.

*Pengurus Jabatan Kualiti dan Pelesenan, Valerie Tai menyerahkan sumbangan hamper kepada guru Tadika Terang sebagai tanda sokongan kepada acara sukan tahunan sekolah tersebut.*



Trienekens' Department Manager for CSR, Janet Balong presenting two hampers to a representative of the Bisitang Community Association Kuching in support of their annual dinner event.

*Pengurus Jabatan CSR Trienekens, Janet Balong menyerahkan sumbangan kepada wakil Persatuan Kaum Bisitang Kuching sempena penganjuran majlis makan malam tahunan persatuan tersebut.*



Trienekens' General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (2nd left) handing over solar lights to the community chief of Kampung Mambong, KK Mosolin @ Meon ak Pasek (2nd right), witnessed by the village committee members.

*Pengurus Besar, Rawatan dan Pelupusan Trienekens, Simon Chow (ke-2 kiri) telah menyerahkan sumbangan lampu solar kepada Ketua Kaum Kampung Mambong, KK Mosolin @ Meon ak Pasek (ke-2 kanan) sambil disaksikan oleh ahli-ahli jawatankuasa kampung.*



Trienekens' Department Manager for Projects, Julius Salok Kassy handing over a donation to a representative of Kampung Mambong's Community-Based Rehabilitation (CBR) Programme in support of their "Peace of Love" event.

*Pengurus Jabatan Projek Trienekens, Julius Salok Kassy menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil agensi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kampung Mambong sebagai tanda sokongan ke atas acara "Peace of Love" mereka.*

## Employees of The Year 2022

### Pekerja-pekerja Cemerlang Tahun 2022



Trienekens Group CEO Stephen Chin presenting the Employee of the Year Award (Bintulu Branch) to Lemada anak Medan witnessed by Deputy Group CEO, Elvin Wee and Senior Manager for Bintulu Branch, Patricia Susie Nyisong.

*CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin menyampaikan Anugerah Pekerja Terbaik (Cawangan Bintulu) kepada Lemada anak Medan disaksikan oleh Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee dan Pengurus Kanan, Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong.*



Trienekens Chief Operating Officer Alice Lee (4th right) taking a photo with the three Employee of the Year 2022 recipients, for the category of Headquarters, Kuching Logistics and Services and Overall along with their respective managers.

*Ketua Pegawai Operasi Trienekens Alice Lee (ke-4 kanan) bergambar bersama penerima Anugerah Pekerja Terbaik 2022 untuk kategori, Ibu Pejabat, Logistik dan Servis Kuching dan Keseluruhan termasuk pengurus masing-masing.*

Trienekens' Employee of the Year awards are accorded annually to team members in recognition of their outstanding services and dedication throughout the year. The company's Human Resources Division recently organised the award presentation ceremony to announce the Employee of the Year recipients for 2022. The category winners for 2022 were Veron Jong Suk Fui from Headquarters, Jerry Kenes Anak Tagal from Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP), Mira Anak Jambau from Kuching Logistics and Services, Lemada Anak Medan from Bintulu Branch while the coveted Best Employee (Overall) award went to Benard Anak Daho from Kuching Logistics and Services. Each recipient received a certificate of excellence and a cash prize.

*Anugerah Pekerja Terbaik Trienekens dianugerahkan setiap tahun kepada anggota-anggota pasukan cemerlang sebagai tanda pengiktirafan di atas perkhidmatan dan dedikasi cemerlang mereka sepanjang tahun. Bahagian Sumber Manusia baru-baru ini telah menganjurkan satu majlis penganugerahan untuk mengumumkan penerima Anugerah Pekerja Terbaik 2022. Pemenang-pemenang kategori ialah Veron Jong Suk Fui dari Ibu Pejabat, Jerry Kenes Anak Tagal dari Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP), Mira Anak Jambau dari Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching, Lemada Anak Medan dari Cawangan Bintulu dan Anugerah Pekerja Terbaik (Keseluruhan) dimenangi oleh Benard Anak Daho dari Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching. Setiap penerima anugerah menerima Sijil Kecemerlangan dan hadiah wang tunai.*



**Veron Jong Suk Fui**  
Best Employee  
(Headquarters)  
*Pekerja Terbaik  
(Ibu Pejabat)*



**Jerry Kenes Anak Tagal**  
Best Employee  
(KIWMP)  
*Pekerja Terbaik  
(KIWMP)*



**Mira Anak Jambau**  
Best Employee  
(Kuching Logistics and Services)  
*Pekerja Terbaik  
(Logistik dan Servis Kuching)*



**Lemada Anak Medan**  
Best Employee  
(Bintulu)  
*Pekerja Terbaik  
(Bintulu)*



**Benard Anak Daho**  
Best Employee  
(Overall)  
*Pekerja Terbaik  
(Keseluruhan)*



## New Team Members / Tenaga Kerja Baru

### Kuching Headquarters & Depot

### Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Rebecca Su Xin-Fong**  
Senior Executive, Corporate  
Communications  
*Eksekutif Kanan,  
Komunikasi Korporat*



**Tiffy Anak Patan**  
Executive, Human Resources  
*Eksekutif, Sumber Manusia*



**Nurul Afina Binti Sumed**  
Process Chemist, Lab &  
Analysis  
*Ahli Kimia Proses, Makmal  
& Analisis*

### Kuching Logistics and Services

### Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching



**Desmond Anak Beaa**  
Junior Mechanic  
*Mekanik Muda*



**Lokis Bin Abdullah**  
Driver, Hooklift  
*Pemandu, Hooklift*

### Kuching Integrated Waste Management Park

### Kuching Taman Pengurusan Sisa Bersepadu (KIWMP)



**Ng Hock Kin**  
Mechanical Engineer, HWI  
*Jurutera Mekanikal, HWI*



**Christian Tan Eng Huat**  
General Operation Assistant  
1, LWWTTP  
*Pembantu Operasi Am 1,  
LWWTTP*



**Keneth Harleyson Anak  
Thomas**  
General Operation Assistant  
1, LWWTTP  
*Pembantu Operasi Am 1,  
LWWTTP*

## New Team Members / Tenaga Kerja Baru

### Bintulu Branch Cawangan Bintulu



**Petrus John**  
Supervisor, Commercial  
Waste Operations  
*Penyelia, Operasi Sisa  
Komersial*



**Gabriel Anak Bala**  
Supervisor, Scheduled  
Waste Operations  
*Penyelia, Operasi Sisa  
Terjadual*



**Ahmad Sukqrie Bin  
Sapi'ee**  
Office Assistant  
*Pembantu Pejabat*



**Alexander Anak Dol**  
Driver, Hooklift  
*Pemandu, Hooklift*



**Matius Anak Marcos**  
Driver, Scheduled Waste  
*Pemandu, Sisa Terjadual*



**Khairul Nizam Lee  
Abdullah**  
Attendant, Scheduled Waste  
*Atendan, Sisa Terjadual*



**Mohd Usri Yusran  
Mohamad Hipni**  
Forklift Operator  
*Operator Forklift*



# Spot The Difference / Carikan Perbezaan

Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win SONY Wireless Headphones.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi sepasang Fon Kepala Bluetooth SONY.



Congratulations to Larry Yong Ken Nin, winner of last issue's Spot the Difference contest. Larry brought home a SONY Wireless Headphones!

*Tahniah kepada Larry Yong Ken Nin, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Larry membawa balik sebuah sepasang Fon Kepala Bluetooth SONY!*

Please send in your entry to the following address before **15 May 2023**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Mei 2023**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,  
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**

216 Jalan Sungai Tapang,  
Lot 2040 Block 15 MTLD,  
93250 Kuching, Sarawak.

## Personal Details/ Butiran Peribadi

Name/Nama .....

IC No./No. KP .....

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens?

☐ Yes/Ya

☐ No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens: .....

Address/Alamat .....

Tel. No./No. Tel .....



**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.** 199901010396 (485296-V)  
“Your Trusted Partner In Environmental Management”

**Headquarters (Kuching)**

216 Jalan Sungai Tapang,  
Lot 2040 Block 15 MTLD,  
93250 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.  
Tel : +6082 610700  
Hotline : +6082 612300  
Fax : +6082 620120  
Email : [customercare@trienekens.com.my](mailto:customercare@trienekens.com.my)

**Bintulu Branch & Depot**

Lot 4034 Block 26,  
Kemena Land District,  
Kidurong Light Industrial Estate,  
Jalan Tanjung Kidurong  
97000 Bintulu,  
Sarawak, Malaysia.  
Tel : +6086 253959  
Fax : +6086 253115  
Email : [customercare@trienekens.com.my](mailto:customercare@trienekens.com.my)

[www.trienekens.com.my](http://www.trienekens.com.my)